

31/03/1997

Remaja perlu ditanam rasa tanggungjawab

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Sikap tidak menghormati perkara yang berunsur patriotik seperti bendera negara adalah di antara faktor yang menyebabkan remaja terbabit dalam gejala sosial.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata keadaan itu menyebabkan remaja kurang bertanggungjawab bukan sahaja kepada diri sendiri malah ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara.

"Apabila tiada rasa tanggungjawab, remaja akan melakukan apa sahaja perkara yang diinginkan tanpa memikirkan kesan baik dan buruknya kepada diri sendiri, ibu bapa, keluarga, masyarakat atau negara.

"Walaupun mereka terlupa memelihara diri sendiri, setidak-tidaknya rasa tanggungjawab pada kedua ibu bapa, keluarga atau masyarakat akan menghalang mereka daripada meneruskan sebarang perbuatan tidak baik," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah peraduan cogankata sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Bulan Bendera 1996, di sini hari ini.

Peraduan itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Perpaduan Negara, Kumpulan Lion dan Kelab Cinta Malaysia bertujuan memberi peluang kepada rakyat menyampaikan penghargaan kepada pemimpin dan kecintaan mereka pada tanah air.

Selain itu, Zaleha berkata Jabatan Perpaduan Negara mengadakan hari mengibar bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan setiap tahun bagi menanam rasa sayang, hormat dan taat setia pada tanah air.

"Tahun ini, kita berharap pertandingan yang sama akan diteruskan. Selain itu, kita juga meminta sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain supaya tampil dan menganjurkan pelbagai program seumpama ini," katanya.

Sementara itu, pertandingan mencipta cogankata Hari Kebangsaan tahun lalu dimenangi pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Stella Maris, Pudu Raya, Chan Peng-Joon.

Menerima lot tanah banglo di Bukit Mahkota, Bangi, bernilai lebih RM200,000, Chan berkata cogankatanya adalah luahan rasa dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membawa kemajuan kepada negara dan rakyat Malaysia.

Chan yang tidak menyangka memenangi peraduan itu berkata, dia hanya mengambil masa tiga jam untuk menghasilkan kata-kata itu dan berharap dapat berjumpa Dr Mahathir untuk menyampaikan sendiri rasa terima kasih serta penghargaannya.

(END)